

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA SEKRETARIAT

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4860-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-sekretariat-4



KUALA LUMPUR, 23 Apr 19 – Ketua Pengarah Sekretariat, Brig Jen Dato’ Hanafiah bin Hj Abdul Manaf TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat kepada tiga anggota Sekretariat yang berlangsung di pejabatnya hari ini.

Anggota yang dinaikkan pangkat adalah FSjn Mohd Jasmani bin Hussein, dinaikkan ke pangkat Pangkuan Pegawai Waran Udara 2 mulai 3 Mac 19. Manakala Kpl U Tajuddin bin Muhamad dan Kpl U Muhammad Hijazi bin Jamil masing-masing dinaikkan ke pangkat Pangkuan Sarjan Udara.

Dalam majlis yang sama, Ketua Pengarah Sekretariat turut menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada Ajutan MTU, Kapt Mirza Shafiq Beg bin Mirza Mohd Tahir Beg TUDM sempena perkahwinannya baru-baru ini.